

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 JANUARI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MBOT jana kemahiran teknikal	Utusan Malaysia
2.	More rainy days ahead in 2 states	The Sun
3.	Bah melanda: Jauhi sungai	Harian Metro
4.	Angin kencang, laut bergelora	Sinar Harian
5.	Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga hari ini	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 3 JANUARI 2017 (SELASA)

MBOT jana kemahiran teknikal

PENUBUHAN Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang diumumkan sebelum ini dilihat sebagai satu usaha bukan sahaja bertujuan mengiktiraf ahli teknologi dan juruteknik sebagai profesi iktisas tetapi juga martabat bidang teknologi serta pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET).

MBOT yang dilancarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) **Datuk Madius Tangu** November lalu sebagai sebuah badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf teknologis profesional serta juruteknik bertaualah (*Certified Technician*).

Ini selaras dengan saranan kerajaan yang telah mengenal pasti keperluan penubuhan satu badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf lulusan berkaitan kemahiran dan teknologi.

Dalam ucapannya Madius berkata, inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) mengunjurkan perwujudan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Sebanyak 60 peratus daripadanya memerlukan kemahiran berkaitan TVET bagi mengerakkan sektor perindustrian.

"Bagi mencapai sasaran tersebut, minat pelajar terhadap bidang TVET perlu dipertingkat

sebagai satu platform penting bagi meningkatkan tenaga kerja mahir di Malaysia. Bagi memenuhi keperluan ini, Malaysia perlu meningkatkan pengambilan pelajar dalam bidang TVET setiap tahun secara berperingkat dari 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 pada tahun 2020," ujarnya.

Bagi mengekalkan bilangan tenaga kerja TVET semakin bertambah dalam industri, MBOT juga berperanan memastikan kualiti profesi selari dengan perkembangan dinamik industri semasa. Trend semasa teknologi pembuatan kini antara lain melibatkan automasi, *Internet-of-things* dan *cyber-physical systems*.

Selaras dengan teras strategik ke-2 Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), iaitu Membangun, Mempukuh dan Menggilap Bakat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI), MOSTI telah melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan kapasiti sumber manusia berkaitan STI.

Malaysia memerlukan modal insan yang berpenggetahuan, berilmu, beretika dan berakhlik untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif bagi mencapai negara maju.

Dalam menyokong aspirasi negara untuk menempuh Industri 4.0 ini, MBOT dilihat sebagai berada di platform yang

paling sesuai dalam bidang teknologi yang berada di bawah pengawalseliaan MBOT.

MBOT telah membuka pendaftaran kepada empat kategori, iaitu ahli teknologi berijazah, teknologi profesional, juruteknik berkelayakan dan juruteknik bertaualah.

Pemegang ijazah sarjana muda, diploma dan sijil dalam bidang teknologi dan teknikal layak memohon.

Pendaftaran keahlian ahli teknologi dan juruteknik yang layak boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang www.mbot.org.my.

MOSTI juga berbangga kerana STI menjadi pemangkin ke arah lonjakan yang signifikan bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif melalui pelaksanaan enam *game changer* bagi memastikan enam Strategi Tumpuan RMK- 11 mencapai matlamatnya dan seterusnya meletakkan Malaysia di landasan yang betul ke arah negara berinovasi. DSTIN merupakan nadi utama bagi memastikan kesediaan Malaysia sebagai sebuah negara maju sains (*scientifically advanced nation*) menjelang 2020.

STI bakal menyumbang kepada kesemuanya enam teras strategik RMK-11, sama ada dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan saintifik

STI IALAH ALAT UTAMA MENGERAKKAN 6 TERAS STRATEGIK YANG DIGARISKAN DALAM RMK-11.

• TERAS 1: Memperkuuh inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

► Program pembudayaan STI dan inovasi sosial.

► Pelancaran Inovasi Sosial MOSTI (MSI) pada 16 April 2015 telah memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi

tujuan memperluaskan skop Dana Inovasi Komuniti (CIF) untuk membiayai projek yang mempunyai elemen inovasi sosial, elemen R&D dan hasil inovasi daripada golongan akar umbi

► MSI meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial.

• TERAS 2: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

► Program MSI Program Pembangunan Komuniti dan Bioteknologi (BCDP).

• TERAS 3: Meningkatkan Pembangunan modal insan untuk negara maju

► Penubuhan MBOT bagi memperkasa profesion ahli teknologi dan juruteknik serta TEVT.

• TERAS 4: Menuju Ke arah Pertumbuhan Hijau untuk Kemampaman dan Daya Tahan

► Mempertingkatkan kapasiti agensi-agensi MOSTI seperti Jabatan Meterologi Malaysia (MetMalaysia) dan Agensi Remote Sensing Malaysia dalam pengurusan bencana.

• TERAS 5: Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

► Persetujuan Kabinet bagi MOSTI, melalui MIMOS Berhad, untuk menerajui pelaksanaan Pelan Halatuju Internet of Things (IoT) Kebangsaan.

• TERAS 6: Merekayasa Pertumbuhan untuk Peningkatan Kemakmuran negara

► R&D akan terus dipergiatkan dengan fokus kepada berimpak tinggi.

► Pengkomersialan produk R&D akan dititikberatkan

► Ekosistem dan tadbir urus STI akan terus ditambah baik dan di perkuuh, termasuk rasionalisasi insitusi, agensi dan majlis STI.



More rainy days ahead in 2 states

> Floods expected to worsen in Kelantan and Terengganu

KOTA BARU: The flood situation in Kelantan and Terengganu is expected to worsen, with the weatherman warning of heavy rains in the two states.

The Meteorological Department has forecast heavy rains and thunderstorms in the East Coast throughout the day until tomorrow, according to a report on its website.

A number of schools in Kelantan has been closed till further notice due to rising water levels while Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) said train services were still disrupted.

As at 8am yesterday, the number of evacuees in Kelantan and Terengganu has risen to 2,032 compared with 1,213 at 8pm on Sunday.

State Civil Defence Force director Zainuddin Hussin said, "the evacuees are being housed at relief centres in the five districts".

He expected more people to be evacuated, especially from Pasir Mas and Tumpat, when water from the upper reaches of swollen rivers comes downstream.

Some 7,000 schoolchildren from 25 primary and secondary schools in Kelantan were unable to attend classes on the second day of the 2017 school session due to floods.

The state Education Department said in a statement yesterday five secondary and 20 primary schools were located in Pasir Mas, Kuala Krai, Tanah Merah and Tumpat.

The intercity train service on the east coast routes, which has been disrupted since Dec 31 due to floods and landslides in Dabong, has yet to return to normal.

KTMB head of Corporate Communication Ridhwan Arshad said the service between Dabong and Kuala Krai remains suspended until further notice.

"The track restoration work is still ongoing," he said in a statement yesterday.

Ridhwan said the Ekspres Timuran No. 26 (JB Sentral-Tumpat) train service will be available only up to the Gua Musang station and from the station, passengers will have to proceed to Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas, Wakaf Baru or Tumpat using the bus service provided by KTMB.

Passengers heading to Dabong station, however, will be taken using the local train, he said.

He said for Ekspres Timuran No. 27 (Tumpat-JB Sentral) train service, passengers will be required to take the train from the Tumpat station to Kuala Krai before proceeding by bus to the Gua Musang station where they will board the train to the JB Sentral station.

In PASIR MAS, Bernama reports that Rantau Panjang, which is popular with its duty-free zone, is crippled after the nearby Sungai Golok bursts its banks on Sunday night.

The leave for 5,000 policemen in Kelantan has been frozen in view of the worsening flood situation.

State police chief Datuk Dr Ab



Pupils of SK Kedai Tanjung in Pasir Mas are told to go home as flooding has forced the school to remain closed.

Rahman Ismail said police officers and personnel who are on leave have also been recalled to ensure smooth evacuation of flood victims.

"However, officers and personnel who are attending courses, meetings and on emergency leave will still be

allowed to take their leave," he told reporters after visiting the flood evacuation centre at SK Rantau Panjang, Pasir Mas, yesterday.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 3 JANUARI 2017 (SELASA)

12

setempat

03-01-2017

BAH MELANDA

Jauhi sungai

■ Dua kali utama di Rantau Panjang, Tanah Merah langkau paras bahaya

Kota Bharu

M eskipun hanya dua sungai utama di Rantau Panjang dan Tanah Merah mencatakan bacaan me langkau paras bahaya sehingga jam 6 petang semalam, ini belum memberi jaminan banjir pulih dalam masa terdekat.


Malah, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan Shahimi Shariff berkata, penduduk perlu menuju kawasan sungai kerana dibimbangi berlaku kejadian yang tidak diingiti.

Katanya, bacaan Sungai Golok di Rantau Panjang berada pada 10.21 meter (m) melebihi 1.21m dari paras bahaya manakala Sungai Kelantan di Jambatan Guillemand, Kursial, Tanah Merah melepassi bahaya pada 16.32m.

"Walaupun sejak pagi kami melihat aliran penurunan namun masih berisik kerana cuaca tidak menentu dan hujan di beberapa kawasan dan angin kencang

"Sebelum ini kami mengadakan perjumpaan dengan penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan berisiko supaya sentiasa ber-

FAKTA
Bocor Sungai Golok 10.21m
melebihi 1.21m
paras bahaya



KANAK-KANAK bermain air bah di hadapan rumah mereka di Kampung Pasar Lama, Rantau Panjang.

waspada serta mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa.

"Saya menasihati mereka tidak menghampiri kawasan sungai terbabit bagi menge lakkkan insiden tidak diil-



PENDUDUK Hasmah Ali mendayung sampan membawa anak jiran pulang dari sekolah berikutan banjir di Kampung Nibung, Hulu Terengganu.



PEMANDANGAN di Tambatan Diraja yang menunjukkan air Sungai Kelantan meningkat ke paras berjaga-jaga.

jadi tempat remaja melakukan aksi terjunan dan berrenang.

Dalam pada itu, jumlah mangsa banjir di Kelantan sehingga jam 6 petang men catatkan 1,339 orang mem-

babitkan 28 pusat pemindahan sementara (PPS) di enam daerah.

PPS terbaru dibuka ialah di Sekolah Kebangsaan Bukit Awang, Pasir Puteh menem patkan 27 mangsa dari Kam-

pung Tasek.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan berterusan di semua 10 daerah di Kelantan berakhir semalam, namun semua mangsa perlu berwaspada.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 3 JANUARI 2017 (SELASA)**

Angin kencang, laut bergelora

KUALA LUMPUR - Angin kencang timur-timur laut berkelajuan 50 hingga 60km sejam (kmsj) dengan ombak setinggi 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Condore dan Reef North sehingga semalam.

Jabatan Meteorologi

Malaysia dalam kenyataan semalam berkata, angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak setinggi 3.5 meter turut dijangka berlaku di ka-

wasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Kuching, Reef South, Layang-Layang dan Palawan.

"Keadaan yang sama mungkin berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak," kata kenyataan itu.

Kenyataan sama menyebut, keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 3 JANUARI 2017 (SELASA)



Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Sehingga Hari Ini

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Angin kencang timur-timur laut berkelajuan 50 hingga 60km sejam (kmsj) dengan ombak setinggi 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Condore dan Reef North sehingga hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata, angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak setinggi 3.5 meter turut dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Kuching, Reef South, Layang-Layang dan Palawan.

"Keadaan yang sama mungkin berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak," kata kenyataan itu.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA